

# Lelaki mengaku bersalah pecahkan cermin tingkap rumah

**KUCHING:** Seorang lelaki berusia 55 tahun didenada RM1,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana memecahkan cermin tingkap rumah, gara-gara tidak dibenarkan meminjam motosikal.

Roshan Suhaili yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Seksyen tersebut membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan khianat dengan memecahkan cermin tingkap rumah milik anak saudaranya (pengadu) berusia 26 tahun dalam satu kejadian

kira-kira jam 9 pagi pada 1 Oktober 2024 di sebuah rumah di Kampung Panglima Seman di sini.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh membuat bising selepas pengadu dan suaminya tidak mahu meminjamkan motosikal kepada tertuduh.

Tertuduh bertindak memecahkan tingkap rumah pengadu sehingga mendatangkan kerugian lebih kurang RM150.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 18 Oktober 2024.

Hasil siasatan mendapati kejadian itu disaksikan oleh adik ipar pengadu yang tinggal serumah di alamat tempat kejadian berlaku.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim.